



Oleh Faizatul Farlin
Farush Khan
farlin@hmetro.com.my

Sejak kecil, Yuri Azzari, 26, menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap lukisan walaupun dia diketahui menghidap autisme.

Autisme ialah satu keadaan yang mampu menjadikan interaksi sosial, komunikasi sama ada melalui perkataan atau perbuatan serta ketakutan yang berulang-ulang.

Minatnya yang mendalam terhadap lukisan mendorong ibu bapanya membuat keputusan menghantarnya mendapatkan bimbingan daripada pelukis terkenal di negara ini, Raja Azhar Raja Idris.

Melihat hasil lukisannya jelas menunjukkan Yuri Azzari seorang yang kreatif dan mempunyai bakat seni tersendiri.

Bakat lukisannya bukan calang-calang kerana ia mendapat permintaan, malah dijual pada harga mencucur ribuan ringgit bagi setiap satutama dalam kalangan peminat lukisan.

Bakat seninya menda-

par perhatian ibu bapanya, Dr Che Ain Abdul Ghani dan Yuri Zaharin Wahab yang mahu menyediakan segala yang terbaik buat anak sulung mereka.

Menurut Che Ain, dia mula menyedari bakat yang ada pada anaknya ketika usianya sekitar tiga tahun apabila dia pasti menconteng setiap kali memegang pena atau pensel.

Kataanya, ketika usia Yuri Azzari mencapai 18-bulan tahu wakru yang sepertinya kanak-kanak mula bercakap, anaknya masih tidak menunjukkan kemahiran bertutur membenarkan dia membawanya berlalu-lalang.

"Saya membawanya kepada pakar audiologi bagi memeriksakan pendengaran anaknya dan ketika itu lah, saya mendapat tahu dia sebenarnya menghidap autisme."

"Dia masih tidak boleh berkata kata dan hidup dalam dunia sendiri. Saya tidak pasti apa yang bermula dalam fikirannya kerana tidak diluhukan tetapi kami tahu dia minat melukis."

"Kami menghantarnya ke sekolah biasa dan belajar di kelas istimewa. Dari segi akademik, dia memang menunjukkan minat pada lukisan, lalu kami berusaha menghantarnya belajar lebih mendalam dalam bidang

ANUGERAH teristimewa

Yuri Azzari pelukis berbakat walaupun dirinya penghidap autisme



YURI Azzari (tengah) bersama ibu bapanya berpambar dengan lukisannya di pameran Nukilan Jiwa.



YURI Azzari bergambar bersama sekumpulan anak istimewa yang turut memamerkan hasil seni mereka.



GIRANG bersama ayahnya.



MINAT melukis sejak kecil.

seni itu," katanya.

Che Ain ditemui pada majlis graduasi program bimbingan seni istimewa, Nukilan Jiwa, anjuran Yayasan Maybank di Balai Seni Menara Maybank, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menurutnya, dia kemudian menggalakkan Yuri Azzari menyertai pameran lukisan sejak enam tahun lalu dan ia memberi pengalaman baru kepada anaknya itu apabila lukisan yang dihasilkan menjadi perhatian dan mula mendapat permainan.

Antara pameran lukisan yang disertainya ialah Art Case Gallery (2012), Publik Art (2015) dan Nukilan Jiwa (2015).


Kataanya yang juga seorang penyayang bahasa di Universiti Putra Malaysia (UPM), Yuri Azzari banyak memupuk pada tema persekitaran selain menggunakan media akrilik untuk menghasilkan lukisan.

Ibu kepada lima anak itu berkata, sesuatu yang menonjol mengenai anaknya itu apabila dia sentiasa membawa bersama buku lukisan untuk membuat kontingen seolah-olah ia menjadi idea kepada lukisan terbarunya.

"Ketika dia melukis, dia sangat khusus dan dia melukis kira-kira tiga hingga empat jam untuk menyiapkan satu lukisan, selain melukis dengan pantas."

"Apa yang saya lihat mengenai anak yang mengalami autisme, mereka memang nampak lebih cenderung kepada kerja seni seperti bermain alat muzik ataupun menghasilkan kraf," katanya.

Menurutnya, sebagai anak sulung daripada lima beradik, Yuri Azzari tidak berbuat buah atau bermain bersama adik-beradiknya, namun ia sudah dianggap kebiasaan dan semua adiknya juga sudah cukup faham dengan keadaan itu.



ANTARA lukisan dihasilkan Yuri Azzari.